

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Clarence bercuti sebelum letak jawatan

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Clarence Mansul mula bercuti esok sebelum meletakkan jawatan sebagai Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

Belliau memberitahu *Bernama* hari ini belliau akan berlepas malam ini untuk berehat di luar negeri sebelum kembali ke Sabah akhir bulan ini.

Bagaimanapun, belliau enggan menyatakan sama ada belliau telah mengemukakan surat perletakan jawatan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan tarikh berkuatkuasa perletakan jawatannya itu.

Datuk Seri Dr Mahathir, selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional minggu lalu, berkata Datuk Mansul telah berjumpanya dan memberitahu tentang hasratnya untuk pulang berkhidmat di Sabah.

Sementara itu, Menteri, di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamad Nasir yang mengemukakan perletakan jawatan dalam bulan Mac dan mula bercuti pada 1 Mei kini berehat di Asia Timur.

Tarikh berkuatkuasa perletakan jawatannya ialah 1 Jun. — *Bernama*.